

# 'Sebab bukan lawan DAP'

Sinar Harian - 18/2/2019 m/s: 3

**Tun M ulangi pengakuan Pas tidak sokong UMNO**

PUCHONG

**P**erdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sekali lagi mengulangi pengakuan Pas bahawa parti Islam itu tidak akan menyokong UMNO dalam PRK Semenyih.

Beliau berkata, pendirian itu dinyatakan Pas berikutan UMNO bukan melawan DAP dalam PRK Semenyih, sebaliknya berdepan Bersatu.

Menurutnya, Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang; Setiausaha Agung Pas, Datuk Takiyuddin Has-

san dan Menteri Besar Terengganu, Dr Ahmad Samsuri Mokhtar membuat pengakuan itu dalam pertemuan di pejabatnya, Jumaat lalu.

"Mereka mengakui takkan sokong UMNO kali ini (PRK Semenyih) kerana yang lawan dengan UMNO bukan dari DAP, tetapi Bersatu. Tapi mereka tak nak isytiharkan perkara itu.

"Apabila saya dengar penafian, terpaksa saya sebut apa sebenarnya berlaku iaitu pengakuan mereka," katanya pada sidang media selepas perasmian Dasar Komuniti Negara di sini, semalam.

Pengerusi Bersatu itu bagaimanapun berkata, Pas tidak menyebut akan menyokong Bersatu dan PH.

"Mereka cuma sebut tak sokong UMNO dan pemim-



Dr Mahathir pada sidang media selepas perasmian Dasar Komuniti Negara, semalam.

pin mereka takkan hadir. Tapi seperti mana kita tahu dan lihat, pemimpin mereka hadir juga (penamaan calon)," katanya.

Berkenaan desakan agar beliau mendedahkan surat

perjanjian bertulis oleh Pas, Dr Mahathir berkata, beliau mempunyai surat contoh ditandatangani Takiyuddin.

"Mereka cadang buat surat bertulis ditandatangani mereka sebagai pengakuan.

Tetapi mereka beri contoh yang ditandatangani Takiyuddin.

"Satu surat itu ada pada saya, tapi surat daripada Abdul Hadi dan Shamsuri, tiadalah. Janjinya mereka akan

buat pengakuan secara bertulis," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak tahu alasan Pas membuat pengakuan itu kepadanya.

"Saya tidak tahu kenapa. Mereka memang bagi pengakuan menyokong kepimpinan saya," katanya.

Ditanya sama ada Pas mengemukakan sebarang permintaan dalam pertemuan itu, Dr Mahathir berkata, ia melibatkan penyelarasan wakil Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

"Dalam jawatan kuasa kampung, kita tak ada wakil PH di Kelantan dan Terengganu. Jadi kita minta tempat untuk wakil kita.

"Mereka juga minta wakil mereka ada dalam badan yang mengurus rancangan di negeri," katanya.